

UMS perkukuh jalinan kerjasama dengan UMB Indonesia

UB 20.03.2022 P.08



DR. SABARIAH

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) terus memperkukuhkan kolaboratif antarabangsa dengan menganjurkan Bengkel Pemikiran Kritis secara maya bersama Universiti Mercu Buana (UMB) Indonesia, baru-baru ini.

Bengkel selama sehari itu disertai seramai 31 pelajar daripada pelbagai program dan fakulti di UMS yang bertujuan menyemai pemikiran kritis bukan hanya dalam bidang akademik tetapi juga dalam menjalani kehidupan seharian.

Menurut Profesor Dr. Sabariah Sharif, yang kini men-

jalankan fungsi sebagai Dekan Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP) UMS, melalui bengkel itu juga para peserta dapat mengaplikasi pemikiran kritis sama ada dalam penulisan mahupun pembacaan.

“Dengan menghadiri bengkel seumpama ini, ia dapat mengikis tanggapan dan mengubah persepsi bahawa membaca artikel dari pelbagai sumber ilmiah adalah sesuatu yang sukar dilakukan.

“Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang bengkel ini ialah ceramah yang memfokuskan pengenalan asas tentang pemikiran kritis meneru-

si pembacaan bahan bukan akademik, bahan akademik dan penulisan akademik,” katanya ketika merasmikan bengkel tersebut.

Selain itu katanya, latihan dalam mengaplikasikan kemahiran juga diberikan kepada pelajar bagi membantu mereka untuk lebih memahami dan mengetahui cara pemikiran kritis dapat diaplikasikan menerusi pembacaan dan penulisan.

Sementara itu, penyelaras bengkel, Dr. Getrude Cosmas berkata hasil daripada kejayaan penganjuran siri pertama, UMS dan UMB akan mengadakan

bengkel siri kedua untuk memberi peluang kepada lebih ramai peserta untuk menyertainya.

“Secara keseluruhan bengkel ini sangat informatif dan mengajar peserta untuk berfikir dari pelbagai perspektif yang berbeza.

“Diharapkan bengkel ini dapat dilaksanakan lagi dengan menyasarkan pelajar UMS daripada kumpulan berbeza dengan menggunakan modul yang sama, namun diubah suai sedikit dengan mengambil kira pendapat dan cadangan daripada peserta bengkel.

“Bengkel yang serupa akan turut diadakan di UMB pada 25

Mac 2022 dengan menyasarkan pelajar tahun akhir di universiti itu,” katanya.

UMS akan meneruskan kolaboratif bersama UMB pada masa hadapan dengan meliputi aktiviti lain seperti penyelidikan, penulisan dan khidmat komuniti.

Turut bersamadalam bengkel tersebut ialah Dekan Fakultas Psikologi UMB, Dr. Setiawati Intan Savitri; Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni FPP, Dr. Habibie Hj Ibrahim; Pensyarah UMB, Ibu Dina Syakina dan Pensyarah Kanan INTI International University, Dr. Walton Wider.